

16/12/2003

Penahanan Saddam bukan penyelesaian

SEOUL: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata kejayaan Amerika Syarikat (AS) menahan Saddam Hussein tidak akan menghentikan ancaman keganasan terhadap AS dan sekutunya sehingga isu Palestin tidak diselesaikan.

Beliau berkata, jika AS keluar sekalipun daripada Iraq, tetapi masih mengekalkan sokongan kependudukan haram oleh Israel di Palestin, ia tidak menyelesaikan keseluruhan isu penindasan dan ketidakadilan terhadap umat Islam.

"Apa akan mereka lakukan terhadap Saddam, tetapi saya berpendapat penahanan itu tidak akan hentikan keganasan terhadap AS dan sekutunya.

"Ia akan berterusan selagi AS berada di Iraq. Kalau keluar tetapi selagi isu Palestin tidak selesai, akan ada percubaan keganasan. AS mesti keluar dari Iraq dan jangan bagi sokongan penuh pada Israel," katanya ketika diminta mengulas mengenai penahanan Saddam.

Dr Mahathir berkata demikian kepada wartawan Malaysia selepas menyampaikan ucapan pada mesyuarat pertama Forum Asia Timur `Komuniti Asia Timur - Kemakmuran Keamanan dan Kemajuan di Asia Timur - Cabaran dan Wawasan', di sini semalam.

Mengenai sama ada Saddam akan dibicarakan secara adil, Dr Mahathir yang lantang mengkritik penaklukan Iraq oleh AS dan sekutunya berkata, pihak pengadu tidak boleh menjadi pendakwa dan hakim.

Katanya, jika mahu diadakan perbicaraan ia perlu dilaksanakan oleh pihak berkecuali bagi menentukan perbicaraan lebih adil terhadap Saddam.

Ditanya sama ada beliau yakin terhadap Majlis Pemerintah Iraq yang menyatakan akan melaksanakan perbicaraan adil, Dr Mahathir berkata, keanggotaannya adalah mereka yang diterima oleh AS saja, walhal ia sepatutnya dipilih oleh rakyat Iraq sendiri.